

BAB 2

KAEDAH KAJIAN

Dalam bab ini akan diketengahkan tentang reka bentuk kajian, tempat kajian dijalankan, subjek yang mengambil bahagian dalam kajian ini, alat yang digunakan untuk mengukur pembolehubah yang terlibat, dan tatacara kajian dijalankan.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini mengambil reka bentuk keratan rentas. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengukur lima pembolehubah iaitu kerjaya, tekanan kerja, kemurungan, dimensi personaliti, dan tingkah laku daya tindak ke atas tekanan kerja. Tekanan kerja diukur dalam dua bentuk iaitu tekanan kerja bentuk umum dan tekanan kerja bentuk khusus yang dibahagikan mengikut kerjaya. Perkara yang ingin pengkaji lihat dalam penyelidikan ini adalah tentang perbezaan tahap tekanan kerja dan tahap kemurungan berdasarkan kerjaya, perbezaan tekanan kerja umum, tekanan kerja khusus, dan kemurungan mengikut setiap dimensi personaliti introversi-ekstraversi, neurotisme dan psikotisme, kesan perbezaan tahap tekanan kerja ke atas kemurungan, punca tekanan kerja khusus, dan peramal tekanan kerja.

Berdasarkan maksud kajian ini dijalankan, data kajian ini dikumpul dengan menggunakan kaedah soal selidik. Penentuan ini dibuat selaras dengan saranan Kerlinger (1973) bahawa perkara kejadian, taburan, dan saling hubungan di antara pembolehubah psikologikal dan pembolehubah sosiologikal wajar dikaji dengan menggunakan kaedah soal selidik. Begitu juga dengan cadangan Shaughnessy dan Zechmiester (1990) bahawa kaedah soal selidik sesuai digunakan untuk mengkaji hal-hal yang berkaitan dengan fikiran, pandangan, dan perasaan manusia. Pembolehubah sosiologikal merujuk kepada sifat individu yang wujud disebabkan oleh keanggotaan mereka dalam kelompok sosial seperti jantina dan kerjaya manakala pembolehubah psikologikal pula adalah pendapat, sikap, dan tingkah laku individu tersebut. Dengan kata lain, pembolehubah sosiologikal dianggap sebagai pembolehubah bebas sementara pembolehubah psikologikal dianggap sebagai pembolehubah terikat. Dalam kajian ini, pembolehubah bebas adalah kerjaya dan dimensi personaliti manakala tahap tekanan kerja umum, tahap tekanan kerja khusus, dan tahap kemurungan berperanan sebagai pembolehubah terikat.

Selain soal selidik, pengkaji telah menemu bual wakil sekolah-sekolah kajian untuk mendapatkan maklumat tentang latar belakang sekolah seperti bilangan pelajar, bilangan guru, mata pelajaran yang ditawarkan, beban kerja guru, dan tahap disiplin murid. Maklumat tentang Sekolah Menengah Jalan San Peng dan Sekolah Menengah Puteri Ampang diperoleh daripada Guru Penolong Kanan 1 manakala maklumat tentang Sekolah Convent Jalan Peel diperoleh melalui pos atas permintaan Pengetua sekolah tersebut. Temu bual tersebut, kecuali bagi Sekolah Convent Jalan Peel, dijalankan secara berstruktur. Jadual temu bual ditunjukkan dalam LAMPIRAN C.

Pengkaji turut menemu bual secara tidak formal tiga orang anggota polis, tiga orang guru, dan dua orang jururawat. Temu bual tidak formal tersebut atau lebih sesuai dikatakan perbincangan ini, bertujuan untuk meninjau pengalaman mereka serta mendapatkan pengetahuan berhubung dengan tugas masing-masing dengan lebih terperinci.

Tempat dan Subjek Kajian

Kajian ini telah dijalankan di Kuala Lumpur. Daripada 142 orang guru yang terlibat dalam kajian ini, 14 orang guru adalah lelaki, 127 orang guru adalah perempuan manakala seorang guru tiada maklumat tentang jantinanya (lihat Jadual 2.1). Subjek kumpulan guru diambil dari tiga buah sekolah di Kuala Lumpur. Tiga buah sekolah tersebut adalah Sekolah Menengah Jalan San Peng, Sekolah Menengah Puteri Ampang, dan Sekolah Menengah Convent Jalan Peel yang telah dipilih secara rambang berdasarkan senarai nama sekolah yang tercatat dalam Panduan Telefon Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1993). Pembahagian keseluruhan subjek kajian mengikut tempat kerja diringkaskan dalam Jadual 2.2.

Majoriti guru mempunyai ijazah pertama dengan Diploma Pendidikan atau Sijil Perguruan Lepasan Ijazah iaitu 93 orang atau 65.5 peratus daripada keseluruhan subjek kajian. Sejumlah 40 orang guru memiliki kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), tiga orang guru memiliki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan seorang lulusan diploma. Kumpulan guru SPM, STPM, dan diploma ini merupakan guru lulusan maktab perguruan yang memiliki Sijil Perguruan.

Terdapat tiga orang guru yang memiliki ijazah tinggi manakala dua yang lain tidak diperoleh maklumat tentang kelayakan akademik mereka.

Jadual 2.1 Taburan subjek mengikut kerjaya, jantina, dan bangsa

SUBJEK	LELAKI	PEREMPUAN	TIADA MAKLUMAT	JUMLAH
GURU				
MELAYU	7	91	1	99
CINA	4	26		30
INDIA	3	6		9
LAIN-LAIN		2		2
TIADA MAKLUMAT		2		2
POLIS				
MELAYU	110	14		124
CINA	9			9
INDIA	6	1		7
LAIN-LAIN	1			1
JURURAWAT				
MELAYU		103		103
CINA		14		14
INDIA		9		9
LAIN-LAIN		2		2
JUMLAH	140	270	1	411

Bagi status perkahwinan kumpulan guru, sejumlah 116 orang guru telah berkahwin, 22 orang masih bujang, dua orang telah bercerai atau kematian pasangan, dan dua orang lagi tidak diperoleh maklumat tentang status perkahwinan mereka. Min umur kumpulan subjek guru adalah 35 tahun ($SD = 7.6$).

Jadual 2.2 Bilangan dan peratusan subjek mengikut tempat kerja

SUBJEK	BILANGAN	PERATUS
GURU		
SMJSP	57	40.1
SMCJP	49	34.5
SMPA	36	25.4
JUMLAH	142	100.0
POLIS		
IPPD BRICKFIELD	28	19.9
IPPD CHERAS	28	19.9
IPPD DANG WANGI	29	20.6
IPPD SENTUL	26	18.4
IPPD JALAN BANDAR	30	21.3
JUMLAH	141	100.1*
JURURAWAT		
IPHKL	128	100.0
JUMLAH	128	100.0
JUMLAH BESAR	411	100.0

* Jumlah keseluruhan tidak genap 100 peratus disebabkan oleh pembulatan angka

Bagi kumpulan polis, sejumlah 141 orang anggota polis iaitu 126 orang anggota lelaki dan 15 orang anggota perempuan yang terlibat dalam kajian ini dipilih daripada kesemua lima buah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) di Kuala Lumpur iaitu IPPD Brickfield, IPPD Cheras, IPPD Dang Wangi, IPPD Jalan Bandar, dan IPPD Sentul. IPPD Jalan Bandar merupakan IPPD yang khusus untuk menyelenggara hal ehwal lalu lintas di seluruh Kuala Lumpur.

Kebanyakan anggota polis berpendidikan SPM iaitu 78 orang. Terdapat 24 orang memiliki SRP dan 17 orang mempunyai STPM. Selain itu, lima orang anggota polis mempunyai sijil iktisas, tujuh orang memiliki kelulusan diploma, empat orang anggota memiliki ijazah pertama sementara lima orang anggota yang lain tidak diperoleh maklumat tentang kelayakan akademik mereka. Majoriti anggota telah berkahwin iaitu 127 orang, 13 orang masih bujang, dan seorang lagi tiada maklumat tentang status perkahwinannya. Min umur bagi kumpulan polis adalah 35 tahun ($SD = 7.9$).

Jadual 2.3 Pembahagian subjek polis mengikut pangkat

PANGKAT	BILANGAN	PERATUS
KONSTABEL	7	5.0
LANS KOPRAL	53	37.6
KOPRAL	28	19.9
SARJAN	14	9.9
SARJAN MEJAR	6	4.3
SUB INSPEKTOR	1	0.7
INSPEKTOR	11	7.8
KETUA INSPEKTOR	10	7.1
PENOLONG SUPERINTENDAN POLIS	8	5.7
TIADA MAKLUMAT	3	2.1
JUMLAH	141	100.1*

* Jumlah keseluruhan tidak genap 100 peratus disebabkan oleh pembulatan angka

Perincian pembahagian anggota polis mengikut pangkat digambarkan dalam Jadual 2.3. Daripada jadual di atas, difahami bahawa anggota berpangkat Lans Kopral merupakan kumpulan pangkat yang paling ramai menyertai kajian ini iaitu 53

orang atau 37.6 peratus daripada keseluruhan subjek kumpulan polis. Ia diikuti dengan kumpulan ber pangkat Kopral dan Sarjan dengan masing-masing 28 dan 14 orang anggota yang terlibat. Pembahagian pangkat yang seterusnya adalah 11 orang Inspektor, 10 orang Ketua Inspektor, 8 orang Penolong Superintenden Polis, 7 orang Konstabel, 6 orang Sarjan Mejar, dan seorang Sub Inspektor manakala tiga orang anggota tiada maklumat tentang pangkat mereka.

Subjek jururawat merupakan kakitangan di Institut Pediatrik Hospital Kuala Lumpur. Kesemua 128 orang subjek jururawat adalah perempuan. Seramai 74 orang jururawat atau 58.3 peratus mempunyai Sijil Kejururawatan manakala selebihnya memiliki kelayakan Diploma Kejururawatan. Di samping itu, terdapat tiga orang Ketua Jururawat yang mengambil bahagian dalam kajian ini. Pemilikan sijil dan diploma ini membezakan pangkat subjek jururawat. Jururawat Terlatih merupakan individu yang mempunyai kelulusan Diploma Kejururawatan sementara Penolong Jururawat Terlatih mempunyai kelayakan bertaraf sijil. Walau bagaimanapun, jawatan Ketua Jururawat dilantik melalui kenaikan pangkat. Kebanyakan subjek jururawat telah berkahwin iaitu seramai 77 orang atau 60.2 peratus manakala 51 orang jururawat yang lain atau 39.8 peratus masih bujang. Min umur kumpulan jururawat adalah 32 tahun ($SD = 8.5$).

Oleh kerana kajian ini cuba melihat peranan kerjaya tertentu dalam menentukan tahap tekanan kerja dan kemurungan maka subjek dipilih dengan cara persampelan bertujuan. Penyertaan mereka adalah secara suka rela. Sejumlah 60 set soal selidik diedarkan di Sekolah Menengah Jalan San Peng, masing-masing 50 set di Sekolah Menengah Puteri Ampang dan Sekolah Menengah Convent Jalan Peel, 180 set di Institut Pediatrik Hospital Kuala Lumpur, dan masing-masing 30 set

di setiap IPPD melainkan IPPD Dang Wangi yang diedarkan 60 set soal selidik dalam dua kali edaran.

Peratus soal selidik yang diterima dan boleh dianalisis adalah 89 peratus bagi kumpulan guru, 78 peratus bagi kumpulan polis dan 71 peratus bagi kumpulan jururawat. Terdapat satu set soal selidik dari kumpulan guru, lima set soal selidik dari kumpulan polis, dan dua set soal selidik dari kumpulan jururawat yang diterima tetapi tidak boleh dianalisis kerana tidak diisi dengan lengkap oleh subjek atau terdapat halaman soal selidik yang hilang sama ada akibat kecuaian pengkaji mahu pun kecuaian subjek.

Alat Kajian

Set soal selidik yang digunakan untuk mengumpul maklumat dalam kajian ini terdiri daripada enam bahagian iaitu Bahagian A hingga Bahagian F. Semua subjek mendapat set soal selidik yang sama untuk Bahagian A, B, D, E dan F. Bahagian C merupakan soal selidik yang khusus untuk mengukur tekanan kerja bagi kerjaya-kerjaya tertentu. Justeru, Bahagian C diedar berbeza mengikut kerjaya subjek.

Enam bahagian dalam set soal selidik ini terdiri daripada Bahagian A untuk Maklumat Diri, Skala Tekanan Kehidupan Profesional (Bahagian B), Soal Selidik Tekanan Kerja Guru atau Soal Selidik Tekanan Kerja Polis atau Inventori Tekanan Pengamal Kesihatan (Bahagian C), Indeks Kemurungan Beck (Bahagian D), Soal Selidik Personaliti Eysenck (Bahagian E), dan akhir sekali Skala Daya Tindak (Bahagian F). Soal selidik yang lengkap dilampirkan dalam LAMPIRAN D.

Maklumat Diri

Bahagian Maklumat Diri mengandungi tujuh item iaitu umur, jantina, bangsa, taraf perkahwinan, pendidikan tertinggi, jawatan serta pangkat dalam jawatan. Item pangkat dalam kerjaya tidak merujuk kepada kumpulan guru. Ia hanya relevan untuk kumpulan jururawat dan anggota polis sahaja.

Skala Tekanan Kehidupan Profesional

Skala Tekanan Kehidupan Profesional atau *Professional Life Stress Scale* (PLSS) yang ditadbir ke atas semua kumpulan subjek bertujuan untuk melihat tahap tekanan secara umum. Perbandingan tahap tekanan kerja di antara subjek yang berbeza kerjaya diukur dengan menggunakan PLSS.

PLSS dibentuk buat pertama kalinya oleh Fontana (1989) untuk mengukur tekanan kerja bagi kumpulan-kumpulan profesional. Bagi tujuan kajian ini, pengkaji menggunakan PLSS yang telah dimodifikasi oleh Fontana dan Abouserie (1993) daripada versi Fontana (1989) yang mengandungi 45 item tentang pelbagai aspek kehidupan profesional. Walau bagaimanapun, pengkaji telah membuat sedikit ubah suai ke atas versi Fontana dan Abouserie (1993). Pengkaji telah mengeluarkan empat item dan memecahkan satu item menjadi dua item. Keseluruhananya, dalam soal selidik yang pengkaji gunakan, PLSS mempunyai 42 item.

PLSS telah diterjemah ke dalam bahasa Melayu. Untuk mendapatkan hasil terjemahan yang memuaskan serta mudah difaham oleh subjek, pengkaji dan

seorang pembantu masing-masing membuat satu versi terjemahan soal selidik tersebut. Kedua-dua versi soal selidik ini diperbandingkan untuk mendapatkan terjemahan yang terbaik dan kemudiannya disemak oleh seorang guru bahasa Melayu.

Terdapat 25 item positif dan 17 item negatif dalam PLSS (rujuk Jadual 2.4) dengan sama ada dua atau tiga atau lima pilihan jawapan. Bagi item positif dengan dua pilihan jawapan, jawapan YA diberi markat 1 dan jawapan TIDAK markatnya 0. Bagi item positif dengan tiga pilihan jawapan, jawapan YA diberi markat 2, markat 1 untuk jawapan TIDAK PASTI dan markat 0 untuk jawapan TIDAK. Bagi item positif dengan lima pilihan jawapan, markat 5 diberi untuk jawapan A, markat 4 diberi untuk jawapan B dan seterusnya hingga markat 1 diberi untuk jawapan E.

Sementara itu, bagi item negatif dengan dua pilihan jawapan, markat 0 diberi untuk jawapan YA dan markat 1 untuk jawapan TIDAK. Bagi item negatif dengan tiga pilihan jawapan, markat 0 diberi untuk jawapan YA, markat 1 diberi untuk jawapan TIDAK PASTI dan markat 2 diberi untuk jawapan TIDAK. Tidak terdapat item negatif dengan lima pilihan jawapan dalam soal selidik ini.

Jadual 2.4 Pembahagian item positif dan item negatif dalam PLSS

ITEM POSITIF	ITEM NEGATIF
1A, 1B, 1C, 1D, 1E, 1F, 1G, 1H, 1I, 1J, 1K, 1L, 1M, 1N, 1O, 1P, 1Q, 1R, 1S, 1T, 1U, 9, 10, 15, 20	2, 3, 4, 5A, 5B, 5C, 6, 7, 8, 11, 12, 13, 14, 16, 17, 18, 19

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas, sistem pemarkatan PLSS diringkaskan dalam Jadual 2.5. Dalam PLSS, terdapat pilihan jawapan seperti SELALU dan AMAT. Jawapan-jawapan seperti ini dianggap sama taraf dengan jawapan YA maka pemarkatannya mengikut cara pemarkatan jawapan YA. Begitu juga bagi jawapan KADANG-KADANG atau TIADA PERBEZAAN yang sama tarafnya dengan jawapan TIDAK PASTI iaitu jawapan yang dianggap sebagai jawapan perantaraan.

Jadual 2.5 Sistem pemarkatan PLSS

JENIS ITEM		
PILIHAN JAWAPAN	ITEM POSITIF	ITEM NEGATIF
DUA PILIHAN		
YA	1	0
TIDAK	0	1
TIGA PILIHAN		
YA	2	0
TIDAK PASTI	1	1
TIDAK	0	2
LIMA PILIHAN		
A	5	
B	4	
C	3	
D	2	
E	1	

Kesemua markat item PLSS dijumlahkan untuk mendapatkan markat tekanan kerja profesional subjek dan markat akan jatuh ke dalam salah satu

da empat kategori iaitu TEKANAN RENDAH bagi markat di antara 0 hingga TEKANAN SEDERHANA bagi markat 13 hingga 25, TEKANAN SERIUS bagi 26 hingga 38 dan akhir sekali, TEKANAN AMAT SERIUS bagi markat 39 52. Pembahagian kepada empat kategori ini dibuat berdasarkan saranan na dan Abousser (1993). Walau bagaimanapun, pembahagian markat-markat diubah suai oleh pengkaji berikut pengubahaian daripada 45 item kepada sahaja. Pengubahaian pembahagian markat tersebut dibuat mengikut ilia yang digunakan oleh Fontana dan Abousser (1993).

Isu psikometrik seperti kebolehpercayaan dan kesahan semua alat kajian digunakan dalam penyelidikan ini telah disiasat untuk melihat kesesuaian gunanya ke atas subjek tempatan. Menurut Anastasi (1976), kebolehpercayaan ketekalan dalaman merujuk kepada ketekalan markat yang diperoleh oleh seorang individu yang sama apabila ia diuji dengan alat ukuran yang sama tetapi dalam situasi yang berbeza atau diuji dengan alat ujian yang berbeza dan mempunyai item-item sepadan yang mengukur gagasan yang sama. Sesuatu itu dikatakan boleh dipercayai apabila markat yang diperoleh oleh seseorang individu tersebut menghasilkan korelasi yang tinggi dengan markat sebenarnya (En dan Yen 1979). Ringkasnya, dengan menggunakan alat ukuran yang boleh dipercayai, markat seseorang individu akan stabil dan tekal atau dengan kata lain, stasinya dalam gagasan yang diukur, boleh diramal pada masa akan datang (Flelinger 1986). Pekali kebolehpercayaan ketekalan dalaman yang baik adalah di antara 0.80 hingga 0.90 (Anastasi 1976). Bagi soal selidik yang mempunyai skala jawapan Likert melebihi tiga pilihan, Anastasi (1976) menyarankan agar kebolehpercayaan ketekalan dalaman disiasat dengan menggunakan kaedah pekali Cronbach (1951) manakala bagi skala jawapan binari iaitu yang mempunyai dua

pilihan jawapan, kaedah kebolehpercayaan ketekalan dalaman yang sesuai digunakan adalah kaedah pekali KR20.

Dalam kajian Fontana dan Abouserie (1993), nilai pekali alfa bagi PLSS yang diperoleh adalah $\alpha = 0.74$ manakala dengan kaedah bahagi dua, nilai kebolehpercayaannya adalah $\gamma = 0.65$. Pengkaji-pengkaji tersebut menyimpulkan bahawa soal selidik tersebut mempunyai tahap kebolehpercayaan yang memuaskan dan secara signifikan mempunyai ketekalan dalaman. Dalam kajian ini, indeks alfa yang diperoleh adalah $\alpha = 0.78$. Indeks alfa bagi analisis jika-item-dibuang adalah di antara $\alpha = 0.76$ hingga $\alpha = 0.79$ (rujuk LAMPIRAN E). Ini menunjukkan bahawa item-item dalam PLSS yang digunakan dalam kajian ini adalah seragam.

Selain kebolehpercayaan, kesahan sesuatu alat ukuran turut menjadi isu dalam menentukan kesesuaianya untuk diterapkan dalam persekitaran tempatan. Kesahan merujuk kepada apa yang diukur oleh suatu alat ukuran tertentu dan sejauhmanakah ia mengukur apa yang hendak diukur atau dengan kata lain, sejauhmanakah alat itu memenuhi fungsinya (Anastasi 1976).

Kesahan gagasan merupakan satu kemajuan saintifik yang paling signifikan dalam teori dan amalan pengukuran moden (Kerlinger 1986). Dalam kesahan gagasan, alat ukuran dilihat dari aspek maksud ia dibentuk. Di antara dua cara yang boleh digunakan untuk melihat kesahan gagasan sesuatu alat ukuran adalah dengan melihat indeks korelasinya dengan alat-alat ukuran lain yang dikatakan mengukur gagasan yang sama dan melihat kesesuaianya dengan teori yang memperihalkan gagasan tersebut.

Dalam kajian ini, selain PLSS, tiga alat ukuran tekanan kerja yang turut ditadbir secara berbeza mengikut kerjaya adalah Soal Selidik Tekanan Kerja Guru, Soal Selidik Tekanan Kerja Polis dan Inventori Tekanan Pengamal Kesihatan. Analisis korelasi di antara PLSS dengan Soal Selidik Tekanan Kerja Guru dan Inventori Tekanan Pengamal Kesihatan menunjukkan satu hubungan positif sederhana yang signifikan iaitu masing-masing $r = 0.35$ ($p < 0.01$) dan $r = 0.40$ ($p < 0.01$). Hubungan di antara PLSS dengan Indeks Kemurungan Beck adalah $r = 0.49$ ($p < 0.01$). Hubungan positif yang signifikan ini sesuai dengan hasil kajian-kajian lepas yang menyatakan bahawa tekanan kerja mempunyai hubungan dengan kemurungan. Ini menunjukkan bahawa PLSS mempunyai kesahan gagasan atau dengan kata lain, berjaya mengukur tekanan kerja seperti yang didakwa. Berdasarkan keputusan analisis untuk menguji kebolehpercayaan dan kesahan PLSS, disimpulkan bahawa ia sesuai digunakan dalam konteks tempatan.

Soal Selidik Tekanan Guru

Soal Selidik Tekanan Guru atau *Teacher Stress Survey* (TSS) oleh Borg dan Riding (1993) digunakan untuk mengukur tekanan kerja guru. TSS mengandungi 30 item yang dibahagikan kepada empat sub skala iaitu SALAH LAKU PELAJAR, KEADAAN KERJA YANG TIDAK BAGUS, HUBUNGAN SESAMA KAKITANGAN YANG LEMAH dan TEKANAN MASA. Sub skala SALAH LAKU PELAJAR merujuk kepada pelbagai masalah disiplin pelajar termasuk pelajar yang tidak berminat untuk belajar. Bahagian KEADAAN KERJA YANG TIDAK BAGUS meliputi aspek-aspek perkembangan profesion guru seperti gaji yang tidak cukup dan kurang pengiktirafan daripada pihak awam. Sementara itu, sub skala HUBUNGAN SESAMA

KAKITANGAN YANG LEMAH merujuk kepada masalah sokongan sosial daripada rakan sejawatan dan pihak pentadbiran. Akhir sekali, TEKANAN MASA mencakupi masalah tidak cukup masa untuk menghabiskan sukanan pelajaran atau memberi perhatian kepada pelajar secara individu. Terjemahan soal selidik telah dilakukan oleh pengkaji.

Dalam soal selidik ini, subjek diminta untuk menyatakan sejauhmanakah faktor-faktor yang disenaraikan merupakan sumber atau punca tekanan kerja yang mungkin mereka alami berdasarkan skala Likert lima pilihan jawapan iaitu daripada TIADA TEKANAN hingga TEKANAN SANGAT TINGGI. Oleh kerana tiada item negatif dalam kajian soal selidik ini maka cara pemarkatan bagi semua item adalah sama. Markat 0 merujuk kepada TIADA TEKANAN, markat 1 TEKANAN RENDAH, markat 2 TEKANAN SEDERHANA, markat 3 TEKANAN TINGGI dan markat 4 TEKANAN SANGAT TINGGI. Markat yang diperoleh dijumlahkan untuk mendapatkan markat tekanan kerja guru. Individu yang mendapat markat 0 hingga 29 dikategorikan dalam kumpulan TEKANAN RENDAH, markat 30 hingga 59 TEKANAN SEDERHANA, markat 60 hingga 89 TEKANAN TINGGI dan markat 90 hingga 120 TEKANAN SANGAT TINGGI.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Borg dan Riding (1993), nilai alfa bagi TSS yang diperoleh adalah di antara $\alpha = 0.70$ hingga $\alpha = 0.90$. Indeks kebolehpercayaan ketekalan dalaman bagi TSS yang digunakan dalam kajian ini adalah tinggi iaitu $\alpha = 0.95$. Indeks alfa bagi analisis jika-item-dibuang pula didapati seragam iaitu di antara $\alpha = 0.94$ hingga $\alpha = 0.95$ (LAMPIRAN F). Bagi kesahan gagasan pula, TSS didapati berkorelasi positif dan signifikan dengan PLSS dan BDI, masing-masing $r = 0.35$ ($p < 0.01$) dan $r = 0.23$ ($p < 0.01$). Ini menunjukkan bahawa TSS merupakan

satu alat ukuran tekanan kerja bagi guru yang boleh dipercayai untuk ditadbir ke atas subjek tempatan serta sah mengukur tekanan kerja guru.

Soal Selidik Tekanan Polis

Police Stress Survey (PSS) atau Soal Selidik Tekanan Polis yang dipetik oleh pengkaji daripada Violanti dan Aron (1994) telah dikembangkan oleh Spielberger, Grier, Salerno, dan Pate (1979). PSS digunakan untuk mengukur tekanan kerja khusus bagi anggota polis. Ia merupakan satu senarai 60 item berhubung dengan dunia kepolisan yang mungkin menjadi punca tekanan kerja kepada anggota polis atau yang ditafsirkan sebagai mengganggu atau mengecewakan.

Spielberger, Westberry, Grier, dan Greenfield (1981) mengenal pasti tiga faktor dalam PSS iaitu tekanan pentadbiran dan profesional, bahaya psikologi dan fizikal, dan kurang sokongan. Walau bagaimanapun, dalam satu kajian (Violanti dan Aron 1993), PSS telah dibahagikan kepada dua komponen utama iaitu faktor organisasi atau pentadbiran dan faktor yang wujud dalam kerja polis sendiri. Item yang tergolong dalam komponen pertama adalah seperti kurang pengiktirafan di atas kerja yang bagus dan tidak setuju dengan peraturan jabatan. Sementara itu, contoh bagi faktor yang wujud dalam kerja polis itu sendiri adalah seperti kematian atau kecederaan anggota-anggota polis lain dan kemalangan dalam kereta peronda polis. Tiada item negatif dalam soal selidik ini dan semua item telah diterjemah oleh pengkaji.

Pemarkatan asal PSS ini dibuat berdasarkan skala 0 hingga 100. Angka 0 menandakan TIADA TEKANAN manakala angka 100 menunjukkan TEKANAN MAKSIMUM. Walau bagaimanapun, pengkaji telah mengubahnya kepada skala Likert lima pilihan jawapan daripada 0 hingga 4. Markat 0 merujuk kepada TIADA TEKANAN, markat 1 TEKANAN RENDAH, markat 2 TEKANAN SEDERHANA, markat 3 TEKANAN TINGGI, dan markat 4 TEKANAN SANGAT TINGGI. Markat yang diperoleh dijumlahkan untuk mendapatkan markat tekanan kerja polis. Individu yang mendapat markat 0 hingga 59 dikategorikan dalam kumpulan TEKANAN RENDAH, markat 60 hingga 119 TEKANAN SEDERHANA, markat 120 hingga 179 TEKANAN TINGGI, dan markat 180 hingga 240 TEKANAN SANGAT TINGGI.

PSS mempunyai tahap kebolehpercayaan ketekalan dalaman yang tinggi iaitu indeks alfa di antara $\alpha = 0.90$ hingga $\alpha = 0.92$ seperti yang dilaporkan oleh Violanti dan Aron (1993 dan 1994). Dalam kajian ini indeks alfa yang diperoleh juga adalah tinggi iaitu $\alpha = 0.97$. Alfa bagi analisis jika-item-dibuang bagi semua item adalah sama iaitu $\alpha = 0.97$ (LAMPIRAN G). Ini menunjukkan keseragaman item dalam PSS. Dengan ini disimpulkan bahawa PSS sesuai untuk digunakan dalam kajian ini.

Menurut Allen dan Yen (1979), penilaian tentang kesahan sesuatu alat ukuran boleh ditinjau dari aspek kemampuan alat tersebut membezakan dua kumpulan secara signifikan seperti yang disarankan dalam teori. Justeru, untuk melihat kesahan PSS, pengkaji telah membahagikan subjek polis kepada dua kumpulan iaitu kumpulan yang tinggi tahap kemurungan dan kumpulan yang rendah tahap kemurungan. Ujian-t dijalankan untuk melihat perbezaan tahap tekanan kerja tahap kemurungan. Tindakan ini diambil berdasarkan polis berdasarkan perbezaan tahap kemurungan. Tindakan ini diambil berdasarkan

pendapat Gruen (1993) yang menyatakan bahawa individu yang murung mempunyai kecenderungan untuk mengalami tekanan kerja yang lebih tinggi.

Keputusan ujian-t (lihat LAMPIRAN H) menunjukkan bahawa tekanan kerja polis secara signifikan berbeza mengikut tahap kemurungan [$t_{(137)} = 2.36, p < 0.05$]. Dengan kata lain, anggota polis yang tinggi tahap kemurungan mengalami tahap tekanan kerja yang tinggi dan sebaliknya, anggota polis yang rendah tahap kemurungan pula mengalami tahap tekanan kerja yang rendah juga. Keputusan ujian ini didapati selari dengan ulasan Gruen (1993). Justeru, disimpulkan bahawa PSS merupakan satu alat ukuran tekanan kerja polis yang sah untuk digunakan ke atas subjek kajian ini.

Inventori Tekanan Pengamal Kesihatan

Health Profession Stress Inventory (HPSI) atau Inventori Tekanan Pengamal Kesihatan adalah satu alat yang sesuai untuk mengukur tahap serta sumber tekanan kerja yang dialami oleh golongan profesional kesihatan seperti doktor, pakar perubatan, dan jururawat. Kaedah penterjemahannya dibuat sama dengan cara menterjemah PLSS.

HPSI yang diperkenalkan oleh Wolfgang (1988) ini mengandungi 30 item. Subjek diminta untuk menyatakan berapa kerap mereka merasakan bahawa setiap 30 situasi dalam kerjaya pengamal perubatan yang disenaraikan, mendatangkan tekanan kepada mereka. Kekerapan tersebut itu dilaporkan berdasarkan skala Likert lima pilihan jawapan daripada 0 yang merujuk kepada TIDAK PERNAH hingga 4.

yang menandakan SANGAT KERAP mengalami tekanan kerja. Oleh kerana kesemua item dalam inventori ini merupakan item positif maka cara pemarkatannya adalah sama. Item yang dijawab TIDAK PERNAH diberi markat 0, SANGAT JARANG markat 1, KADANG KALA markat 2, KERAP markat 3 dan SANGAT KERAP markat 4. Markat HPSI setiap jururawat tersebut dijumlahkan untuk mendapatkan markat tekanan kerja masing-masing dengan markat maksimum yang boleh diperoleh adalah 120. Subjek yang mendapat 0 hingga 29 dikategorikan sebagai jururawat yang SANGAT JARANG mengalami tekanan, 30 hingga 59 KADANG KALA mengalami tekanan, 60 hingga 89 KERAP mengalami tekanan dan 90 hingga 120 SANGAT KERAP mengalami tekanan.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Eells, Lacefield dan Maxey (1994) indeks ketekalan dalaman adalah baik iaitu di antara $\alpha = 0.89$ hingga $\alpha = 0.91$. Pekali alfa yang diperoleh dalam kajian ini juga baik iaitu $\alpha = 0.87$. Dengan nilai alfa jika-item-dibuang sekitar $\alpha = 0.86$ hingga $\alpha = 0.87$, disimpulkan bahawa HPSI mempunyai item yang seragam (LAMPIRAN I). HPSI juga berkorelasi secara positif yang signifikan dengan alat ukuran tekanan kerja lain yang digunakan dalam kajian ini seperti yang telah dilaporkan terdahulu. Ini menunjukkan bahawa HPSI mempunyai kesahan gagasan. Dengan ini disahkan bahawa HPSI merupakan satu alat yang boleh dipercayai dan sah digunakan dalam konteks tempatan.

Indeks Kemurungan Beck

Indeks Kemurungan Beck atau Beck Depression Index (BDI) merupakan suatu alat untuk mengukur kemurungan yang paling kerap digunakan (Robinson dan Kelly 1996 dan Piotrowski 1996). BDI yang telah dibentuk oleh Beck, Ward, Mendelson, Mock dan Erbaugh (1961) ini mengandungi 21 item. BDI yang digunakan dalam kajian ini diperoleh daripada Beck (1978). Tujuan BDI ditadbir adalah untuk mengesan simptom-simptom kemurungan seperti merasa bersalah, merasa tidak lagi berupaya untuk membuat keputusan dengan betul, sering menangis, kehilangan berat badan tanpa alasan yang munasabah, dan tidak menaruh harapan pada masa depan.

Setiap item dalam BDI terdiri daripada empat kenyataan dan subjek diminta untuk memilih sekurang-kurangnya satu item yang boleh menghuraikan tentang keadaan dirinya dengan paling tepat pada masa ia melengkapkan BDI. Setiap kenyataan mewakili satu markat iaitu markat 0 hingga 3. Markat semua item BDI dijumlahkan untuk mendapatkan markat kemurungan individu dengan maksimum markat yang boleh diperoleh adalah 63. Sekiranya terdapat lebih daripada satu kenyataan yang dipilih oleh subjek dalam satu-satu item tertentu maka kenyataan yang mempunyai markat yang paling tinggi akan diambil kira. Bagi item 19 pula, subjek yang menyatakan kehilangan berat badan melebihi 2.5 kg lantaran sengaja berbuat demikian dengan mengurangkan pengambilan makanan, dianggap seperti tidak kehilangan sebarang berat badan dan akan diberi markat 0.

Beck et al. (1961) mengklasifikasikan kemurungan kepada lima tahap. Subjek yang mendapat markat 0 hingga 9 dikatakan mengalami kemurungan pada tahap

purata, markat 10 hingga 15 tahap kemurungan ringan, markat 16 hingga 19 tahap kemurungan ringan ke sederhana, markat 20 hingga 29 tahap kemurungan sederhana ke serius, dan akhir sekali tahap kemurungan serius bagi markat 30 hingga 63.

BDI mempunyai tahap kebolehpercayaan ketekalan dalaman dan kesahan gagasan yang sederhana. Kajian yang dilakukan oleh Beck dan Steer (1984) mendapati indeks alfa BDI adalah di antara $\alpha = 0.79$ hingga $\alpha = 0.90$. Bagi kesahan pula, BDI berkorelasi secara positif dengan skala kekecewaan dan skala alternatif yang lain iaitu di antara $r = 0.38$ ($k < 0.05$) hingga $r = 0.76$ ($k < 0.05$) (Robinson dan Kelley 1996). Dalam kajian ini, indeks alfa yang diperoleh bagi BDI adalah baik iaitu $\alpha = 0.85$. Indeks alfa bagi analisis jika-item-dibuang adalah di sekitar $\alpha = 0.83$ hingga $\alpha = 0.85$. Kesahan gagasan bagi BDI dilihat daripada korelasi alat ukuran ini dengan alat ukuran tekanan kerja. Hubungan positif dan signifikan di antara BDI dengan PLSS ($r = 0.49$, $k < 0.01$), TSS ($r = 0.23$, $k < 0.01$), dan HPSI ($r = 0.40$, $k < 0.01$) menunjukkan bahawa BDI sah mengukur kemurungan dan sesuai digunakan untuk subjek kajian ini.

Soal selidik Personaliti Eysenck

Soal selidik Personaliti Eysenck (EPQ) dibentuk oleh Eysenck dan Eysenck (1975). Ia merupakan soal selidik yang diubah suai daripada *Eysenck Personality Inventory*. Terjemahan alat ini telah dilakukan oleh Shripati Upadhyaya dan Rahmatullah Khan (1983) dengan bantuan beberapa orang pelajar dari Fakulti Sains Perubatan Universiti Sains Malaysia dengan menggunakan kaedah terjemahan kembali. Dalam

Penyelidikan ini, pengkaji telah melakukan sedikit perubahan ke atas terjemahan yang telah dilakukan oleh kumpulan perintis ini.

EPQ mengandungi 90 item iaitu 21 item introvert-ekstravert, 23 item neurotisme, 25 item psikotisme, dan 21 item bohong. Dalam kajian ini sub skala bohong tidak digunakan. Justeru, terdapat 69 item EPQ yang digunakan dalam kajian ini. Kesemua item dalam sub skala neurotisme adalah positif. Sementara itu, terdapat tiga item negatif dalam sub skala introvert-ekstravert dan sebelas item negatif dalam sub skala psikotisme. Pembahagian item positif dan negatif dalam EPQ diringkaskan dalam Jadual 2.6.

Dalam membuat pemarkatan item positif EPQ, jawapan YA diberikan markat 1 dan TIDAK markat 0 manakala bagi item negatif pula, jawapan YA diberikan markat 0 dan jawapan TIDAK markat 1. Dalam sub skala introvert-ekstravert, subjek yang mendapat markat 0 hingga 10 merupakan individu introvert manakala subjek yang mendapat markat 11 hingga 21 merupakan individu ekstravert. Bagi sub skala neurotisme, subjek yang mendapat markat 11 hingga 23 dikatakan mempunyai personaliti neurotik dan individu yang mendapat kurang daripada markat 11 dikategorikan dalam kumpulan tidak neurotik. Dalam sub skala psikotisme pula, markat 13 hingga 25 melambangkan individu yang psikotik sebaliknya markat 12 ke bawah menunjukkan individu yang tidak psikotik.

Jadual 2.6 Pembahagian item positif dan negatif EPQ

SUB SKALA	ITEM POSITIF	ITEM NEGATIF	JUMLAH ITEM
NEUROTISME	EPQ3, EPQ6, EPQ10, EPQ12, EPQ15, EPQ18, EPQ21, EPQ24, EPQ27, EPQ30, EPQ32, EPQ37, EPQ42, EPQ45, EPQ48, EPQ51, EPQ53, EPQ56, EPQ58, EPQ60, EPQ62, EPQ65, EPQ68		23
PSIKOTISME	EPQ17, EPQ20, EPQ23, EPQ26, EPQ34, EPQ36, EPQ39, EPQ50, EPQ52, EPQ57, EPQ59, EPQ61, EPQ64, EPQ67	EPQ2, EPQ5, EPQ7, EPQ9, EPQ14, EPQ29, EPQ41, EPQ44, EPQ47, EPQ55, EPQ69	25
INTROVERSI-EKSTRAVERSI	EPQ1, EPQ4, EPQ8, EPQ11, EPQ13, EPQ19, EPQ25, EPQ28, EPQ31, EPQ35, EPQ38, EPQ40, EPQ43, EPQ46, EPQ49, EPQ54, EPQ63, EPQ66	EPQ16, EPQ22, EPQ33	21

Kajian Shripati Upadhyaya dan Rahmatullah Khan (1983) telah menggunakan teknik uji-uji semula untuk melihat indeks kebolehpercayaan ketekalan dalaman EPQ. Korelasi markat ujian pertama dengan markat ujian

kedua dalam kajian tersebut adalah agak memuaskan iaitu $r = 0.74$. Bagi kesahan pula, korelasi di antara keempat-empat sub skala EPQ adalah di antara $r = 0.20$ hingga $r = 0.60$. Pengkaji-pengkaji tempatan lain yang menggunakan EPQ melaporkan indeks kebolehpercayaan ketekalan dalaman yang tidak jauh berbeza dengan yang dilaporkan oleh Shripati Upadhyaya dan Rahmatullah Khan (1983). Tee Bee Tin (1994) misalnya, menunjukkan bahawa pekali kebolehpercayaan yang diperoleh dengan menggunakan kaedah bagi dua adalah $r = 0.66$ dan apabila dibaiki dengan formula Spearman-Brown, nilai tersebut meningkat kepada $r = 0.80$.

Dalam kajian ini, kebolehpercayaan ketekalan dalaman ditinjau dengan menggunakan Formula KR20 kerana EPQ menggunakan skala jawapan binari YA-TIDAK, sesuai dengan saranan Anastasi (1976). EPQ mempunyai kebolehpercayaan ketekalan dalaman yang baik iaitu indeks KR20 = 0.98. Wujud saling hubungan yang signifikan di antara sub skala dengan pekali korelasi sekitar $r = 0.15$ ($k < 0.01$) hingga $r = 0.31$ ($k < 0.01$). Secara terperinci, korelasi di antara sub introversi-ekstraversi dengan sub skala neurotisme dan sub skala psikotisme masing-masing adalah $r = 0.24$ ($k < 0.01$) dan $r = 0.31$ ($k < 0.01$) sementara korelasi di antara sub skala neurotisme dengan sub skala psikotisme adalah $r = 0.15$ ($k < 0.01$). Justeru, disimpulkan bahawa EPQ mempunyai kesahan yang memuaskan.

Skala Daya Tindak

Skala ini dibentuk oleh pengkaji dengan menggabungkan ide beberapa orang pengkaji teknik daya tindak ke atas tekanan yang terdahulu. Sejumlah dua belas

item telah dibentuk iaitu tujuh item daripada Folkman dan Lazarus (1985), dua item daripada Stone dan Neale (1984), masing-masing satu item daripada Folkman dan Lazarus (1986) dan Gaziel (1993), dan satu soalan berhujung terbuka.

Idea utama untuk membentuk SDT ini diperoleh daripada *Ways of Coping Checklist* oleh Folkman dan Lazarus (1985). Soal selidik asal mempunyai 68 item dengan lapan sub skala iaitu satu sub skala berfokuskan masalah, enam sub skala berfokuskan emosi, dan satu sub skala menggabungkan fokus masalah dan emosi. Sebelas item yang digunakan dalam kajian ini terangkum dalam lapan sub skala tersebut. Terdapat tiga sub skala yang mempunyai dua item manakala lima sub skala yang lain masing-masing mempunyai satu item. Pengkaji telah menambah satu item berupa soalan berhujung terbuka yang memberi peluang kepada subjek untuk menyatakan langkah-langkah menghadapi tekanan kerja yang diambilnya selain daripada yang disenaraikan.

Folkman dan Lazarus (1985) telah mengubah pemarkatan asal YA-TIDAK kepada skala Likert empat pilihan jawapan iaitu daripada 0 yang membawa maksud TIDAK PERNAH hingga 4 yang bermakna KERAP. Dalam kajian ini, pengkaji telah menambah satu lagi pilihan jawapan iaitu SANGAT KERAP yang menjadikan lima pilihan jawapan semuanya.

Strategi daya tindak bukanlah menjadi fokus utama penyelidikan ini. SDT tidak terlibat dengan sebarang pengujian hipotesis dalam kajian ini. Ia hanya digunakan dalam bab kesimpulan.

Tatacara Kajian

Kebenaran untuk menjalankan kajian ke atas subjek guru, polis, dan jururawat dalam penyelidikan ini telah diperoleh secara rasmi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman Kuala Lumpur, dan Hospital Kuala Lumpur.

Penghantaran soal selidik telah dilakukan oleh seorang pembantu penyelidik pada bulan November 1997. Atas kehendak pihak-pihak yang terlibat, soal selidik telah diserahkan kepada Guru Penolong Kanan sekolah-sekolah kajian, Timbalan Superintenden Polis Unit Penerbitan Cawangan Perhubungan Awam Ibu Pejabat Polis Bukit Aman Kuala Lumpur, dan matron Institut Pediatrik Hospital Kuala Lumpur. Edaran soal selidik kepada subjek dan pengutipannya setelah dilengkapkan dilakukan sendiri oleh institusi berkenaan. Pihak Perhubungan Awam Ibu Pejabat Polis Bukit Aman Kuala Lumpur menghantar jumlah set soal selidik yang sama kepada semua IPPD atas permintaan pengkaji. Soal selidik telah diambil semula oleh pembantu penyelidik dari sekolah atau institusi berkenaan di antara seminggu hingga sebulan selepas tarikh pengedaran.

Oleh kerana maklum balas daripada IPPD Dang Wangi kurang memuaskan, maka pengkaji telah menghantar sejumlah 30 set soal selidik sekali lagi ke IPPD tersebut dengan bantuan salah seorang kakitangannya pada bulan April 1998. Soal selidik dikutip semula dua minggu selepas tarikh penyerahan.

Temu bual berstruktur dengan wakil sekolah-sekolah kajian dan temu bual tidak formal dengan beberapa orang informan telah dijalankan dalam bulan Mei hingga Ogos 1998.

Kesimpulan

Dalam bab ini telah diterangkan tentang tempat kajian, subjek kajian, alat-alat pengukuran yang digunakan serta tata cara kajian. Isu-isu psikometrik iaitu kebolehpercayaan dan kesahan alat ukuran turut ditinjau untuk melihat kesesuaianya digunakan dalam konteks tempatan. Daripada hasil siasatan isu-isu psikometrik dapat disimpulkan bahawa alat-alat kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini, khususnya alat yang dibentuk di luar negara, sesuai ditadbir ke atas masyarakat tempatan.